

Memperkasa Ekonomi Digital, Komuniti Berciri Global

**LAPORAN
TAHUNAN 2019**



Kandungan

Tentang MYNIC	01
Perkhidmatan Teras MYNIC	02
Ahli Lembaga Pengarah	03
Barisan Pengurusan Kanan	
Struktur Organisasi	04
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah	05
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	06
Jaminan Kualiti Korporat	07
Inisiatif MYNIC dan Tawaran Produk	09
Pencapaian Memacu Globalisasi	10
Statistik	11
Pencapaian Korporat	13
Memacu dan Memperkasa Ekonomi Digital	16
MYNIC Pemangkin Ekonomi Digital Malaysia	17
MYNIC di Persada Antarabangsa	22
Merintis Usahawan Digital Bersama MYNIC	25
Sokongan Berterusan MYNIC Terhadap KKMM	26
Penyata Kewangan	28
Prestasi Kewangan Keseluruhan	29

Maklumat Korporat

Nama Syarikat MYNIC Berhad (735031-H)

Diperbadankan 24 Mei 2006

Alamat Tetap Level 3, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pendaftaran Suite C-5-4,
Wisma Goshen Plaza Pantai,
Jalan Pantai Baru
52200 Kuala Lumpur, Malaysia

Setiausaha Syarikat AAJ Management Services Sdn Bhd

Tentang MYNIC

MYNIC Berhad adalah merupakan pendaftar rasmi domain .MY di Malaysia yang bertauliah dan diiktiraf oleh ICANN (*Internet Corporation for Assigned Names and Numbers*). MYNIC turut menyediakan perkhidmatan lain yang memberikan identiti unik kepada organisasi dan individu di Malaysia.

Sebagai salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), MYNIC komited dalam memastikan organisasi dan individu di Malaysia sentiasa ke hadapan selari dengan arus perkembangan ekonomi digital seterusnya mengkomersialkan lagi identiti domain .MY ke peringkat antarabangsa.

Domain .MY melambangkan identiti dan profesionalisme perniagaan, organisasi atau individu di Malaysia. Wujudkan jenama dan imej perniagaan dan organisasi anda dengan domain .MY.

MYNIC sentiasa berusaha bagi memperkasakan perniagaan dan industri sebagai sebahagian daripada ekonomi digital melalui pembangunan industri nama domain yang merupakan salah satu infrastruktur ICT di Malaysia.

Visi

Visi kami adalah untuk menjadi *Registry* Kod Peringkat Tertinggi Negara (ccTLD) bertaraf dunia dalam mempromosikan .MY dan sebagai pemangkin inisiatif ekonomi digital.

Misi

Dedikasi dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan .MY.

Nilai Keutamaan

Nilai keutamaan kami berdasarkan pada asas organisasi berprestasi tinggi:

- Inovasi
- Perkhidmatan mesra pengguna
- Integriti
- Komitmen ke arah kecemerlangan

Perkhidmatan Teras MYNIC

Nama Domain Kategori Terbuka

.my

bagi individu dan semua organisasi di Malaysia

.com.my

organisasi /aktiviti komersil

.net.my

organisasi /aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian

.org.my

organisasi /aktiviti lain

.name.my

bagi warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia sahaja

Nama Domain Kategori Tertutup

.gov.my

agensi kerajaan Malaysia sahaja

.edu.my

institusi pendidikan Malaysia sahaja

.mil.my

agensi ketenteraan Malaysia sahaja

Nama Domain Antarabangsa (IDN)

- Aksara Jawi (جاوي.my)
- Aksara Cina (天空.my)
- Aksara Tamil (இந்தியா.my)

Perkhidmatan Pendaftaran

- Pangkalan Data
- WHOIS
- DNS Resolution

Perkhidmatan Tambahan

- *.MY Domain Name Dispute Resolution Services (MYDRP)*
- *Sensitive Domain Names Dispute Resolution Policy (SND RP)*

Perkhidmatan untuk Mendaftar

- Pendaftaran dalam talian
- *Customer Care & Resellers Support Services*

Ahli Lembaga Pengarah




1. YBrs. Dr. Mohamed bin Awang Lah (Pengerusi)
2. YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad
3. YM Raja Iskandar Shah bin Raja Ibrahim Shah
4. YBrs. En. Nik Abdul Aziz Nik Yaacob
5. YBrs En. Mahizzan bin Mohd Fadzil

Barisan Pengurusan Kanan



1. Ketua Pegawai Eksekutif
YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan
2. Ketua Pegawai Operasi
YBrs. Norzaiton Senusi
3. Ketua Pegawai Pemasaran
YBrs. MD Fariz Ahmad Sanusi
4. Ketua Pegawai Kewangan
YBrs. Mohamad Farizul Yahaya
5. Ketua Pegawai Inovasi
YBrs. David Chui Siew Choong

Struktur Organisasi



Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah

Tahun 2019 menyaksikan pembangunan sosio-ekonomi Negara yang tidak menentu dan sedikit mencabar. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan menyusun atur pelbagai perancangan strategik sebagai persediaan jangka panjang dalam inisiatif pembangunan negara yang merangkumi pelan transformasi dari aspek pembangunan ekonomi, kebudayaan, kemanusiaan dan alam sekitar. Ini termasuk dalam mengenal pasti keutamaan dan memulakan usaha dalam isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim dan pendigitalan ekonomi.



Seperti mana yang telah ditekankan oleh YAB Perdana Menteri ketika pelancaran teknologi generasi kelima atau 5G, keupayaan mengikuti perkembangan sentiasa seiring dengan kemajuan teknologi akan mempengaruhi kejayaan ekonomi negara. Ini kerana teknologi 5G akan memperkasa Revolusi industri 4.0 (IR4.0). Oleh itu, industri secara keseluruhan digesa agar segera mengadaptasi IR 4.0 selain melengkapkan rancangan ke arah melestarikan strategi pendigitalan dengan lebih komprehensif.

Tanpa pendekatan proaktif, perniagaan dan pekerja akan kurang pendedahan dan mungkin hilang potensi untuk terus bergerak seiring dengan kepesatan ekonomi era digital. Transformasi dalam bidang ekonomi digital ini telah dibuktikan melalui usahasama pihak Kerajaan di bawah tanggungjawab Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) bersama agensi dan syarikat berkaitan yang melibatkan inisiatif – inisiatif seperti telekomunikasi, e-dagang, industri kreatif dan sebagainya.

MYNIC sebagai salah sebuah agensi di bawah KKMM juga perlu memainkan peranan penting dengan sentiasa mencetus idea-idea terkini secara berterusan serta menginovasi pelbagai bentuk platform dan program yang dapat merealisasikan aspirasi tersebut terutamanya dalam melahirkan usahawan – usahawan cakna digital seiring dengan trend pasaran dalam talian yang dilihat semakin berkembang pesat di peringkat global.

Saya yakin pada masa akan datang, MYNIC akan terus teguh sebagai salah satu pemboleh ubah kepada transformasi ekonomi digital negara yang bukan sahaja membawa perubahan besar kepada landskap sosioekonomi dan keselamatan bahkan membawa jenama negara ke mata dunia.

Sekian, terima kasih.

Dr. Mohamed Awang Lah

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Bergerak seiring dengan Transformasi Malaysia Baharu, MYNIC kini bukan sahaja bertanggungjawab dalam mengawal tadbir nama domain, tetapi turut memainkan peranan penting dalam pembangunan infrastruktur ekonomi digital negara. Selari dengan saranan YB Menteri Komunikasi & Multimedia, pendigitalan merupakan pemangkin kemajuan ekonomi negara dan rakyat Malaysia perlu merebut peluang tersebut.



Jadi pada tahun ini, MYNIC melangkah jauh untuk membuka peluang teknologi dalam talian kepada masyarakat khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) supaya dapat bergerak selangkah ke hadapan menerusi pelbagai aspek pendigitalan seperti penjenamaan dalam talian, teknologi komunikasi dan aplikasi yang menjurus ke arah pembangunan keusahawanan digital.

Sepanjang tahun 2019, MYNIC giat menganjurkan pelbagai program kesedaran tentang kepentingan Domain Name System Security Extensions (DNSSEC) dan ANYCAST serta latihan-latihan keusahawanan yang menjadi inisiatif utama MYNIC untuk melahirkan masyarakat yang cakna terhadap transformasi digital selain memahami kepentingan dan keperluan pengetahuan digital terkini.

MYNIC secara berterusan telah melibatkan diri dalam pelbagai bentuk program dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkaitan antaranya *Asia Pacific Top Level Domain Association* (APTLD), Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) dan organisasi – organisasi penguatkuasa serta syarikat-syarikat korporat bagi menaik taraf infrastruktur nama domain negara.

Selain itu juga, saya amat berterima kasih kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) kerana telah banyak membantu serta memberikan sokongan padu yang tidak terhingga kepada MYNIC agar organisasi ini dapat terus memperkasa perniagaan sebagai sebahagian daripada ekonomi digital melalui pembangunan industri nama domain yang merupakan salah satu infrastruktur ICT di Malaysia.

Akhir kata, saya berharap dengan program dan inisiatif yang dibangunkan ini dapat membina negara dengan .MY dan menerajui persada antarabangsa. Selain itu juga, untuk terus kekal relevan serta berdaya saing seiring aspirasi memacu digital Malaysia.

Sekian dan Salam Hormat,

Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan

Jaminan Kualiti Korporat

2012

Pensijilan pertama
ISO 27001 (ISMS)

2015

Pensijilan semula
ISO 27001 (ISMS)

2017

Pensijilan pertama
ISO 22301
(BCMS)

2018

Pensijilan semula
ISO 27001 (ISMS)

Pensijilan pertama
ISO 9001 (QMS)

2019

Audit pemantauan
ISO 27001
(ISMS), ISO
22301 (BCMS) &
ISO 9001 (QMS)

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)

- Fungsi teras MYNIC adalah untuk mengurus serta menyelenggarakan nama domain pelanggan di Malaysia, oleh itu penyimpanan maklumat sulit dan peribadi atas talian menjadi aspek tumpuan keselamatan.
- Untuk memastikan kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan maklumat, MYNIC telah memperoleh pengiktirafan pertama untuk Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) pada 20 April 2012. Skop pensijilan merangkumi keseluruhan operasi MYNIC dalam mentadbir ruang nama bagi Nama Domain Peringkat Tinggi (TLD) melibatkan pendaftaran nama domain, penyelenggaraan serta operasi pendaftaran nama domain.
- ISMS adalah pendekatan bersistematik yang boleh dilaksanakan untuk menangani ancaman siber serta mengurus risiko yang berkaitan dengan keselamatan maklumat atas talian.

Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

- MYNIC mendaftarkan nama domain .MY untuk semua individu atau organisasi di Malaysia yang berkelayakan bagi membolehkan mereka mewujudkan jenama professional yang memberi nilai serta identiti dalam talian yang boleh dipercayai.
- Untuk memastikan keperluan pelanggan sentiasa dipenuhi, MYNIC telah memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) pada 8 Jun 2018. Skop pensijilan merangkumi keseluruhan operasi MYNIC dalam peruntukan pentadbiran Nama Domain Peringkat Tinggi (TLD) melibatkan pendaftaran, operasi dan penyelenggaraan Pengalihan Domain, Emel, Penyimpanan Awan, Web Hosting, dan sijil SSL.
- Pelaksanaan QMS menggalakkan penambahbaikan berterusan, dan ini membolehkan MYNIC untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerja, justeru memastikan servis dan produk memenuhi keperluan pelanggan.

Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCMS)

- Selain dari keselamatan maklumat, MYNIC juga memberi tumpuan terhadap aspek kesinambungan. Hal ini kerana MYNIC adalah satu-satunya pihak pentadbir bagi mengurus serta menyelenggarakan pangkalan data alamat elektronik bersepadu di Malaysia. Jika bencana atau gangguan yang tidak dijangka berlaku dan tidak diurus dengan cekap, ini boleh menyebabkan domain .my tidak dapat diakses oleh orang ramai.
- Untuk memastikan bencana atau gangguan diurus dengan berkesan, MYNIC telah memperoleh pensijilan Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCMS) pada 15 Jun 2017. Skop pensijilan merangkumi keseluruhan operasi MYNIC dalam mentadbir ruang nama bagi Nama Domain Peringkat Tinggi (TLD) melibatkan pendaftaran nama domain, penyelenggaraan serta operasi pendaftaran nama domain.
- Secara ringkas, BCMS memastikan bahawa MYNIC menetapkan rancangan kecemasan yang boleh dilaksanakan ketika berlakunya bencana atau gangguan, justeru memastikan kesinambungan perniagaan.

- MYNIC telah menjalankan audit dalaman untuk ISMS, BCMS dan QMS pada 16 hingga 18 Julai 2019.
- Manakala pada 22 hingga 23 Ogos 2018 MYNIC telah melalui audit pemantauan untuk ISMS, BCMS dan QMS oleh Badan Pensijilan (SIRIM QAS International Sdn. Bhd.)
- Melalui hasil audit dalaman dan audit badan pensijilan yang diterima, MYNIC berjaya:
 1. Menambahbaik pendekatan penilaian risiko dimana risiko penting dapat dikenal pasti, dinilai dan dikawal, oleh itu risiko dapat ditangani dengan sewajarnya.
 2. Menyemak semula dan menambahbaik proses bagi memastikan pemantauan prestasi yang berkesan, justeru sasaran dan objektif syarikat dapat dicapai.
 3. Menambahbaik prosedur perubahan pada sistem dimana sebarang perubahan pada sistem dapat dilakukan dengan lebih cekap.
 4. Menambahbaik amalan pengendalian data, oleh itu keselamatan maklumat dapat dipertingkatkan.
 5. Meningkatkan proses pengurusan pembekal syarikat untuk memastikan pembekal memberikan perkhidmatan yang sesuai dengan jangkaan MYNIC serta pelanggannya.

Inisiatif MYNIC dan Tawaran Produk

Pakej Branding Online Solution (B.O.S.)

- Pakej B.O.S memberi kemudahan all-in-one kepada usahawan memulakan perniagaan secara atas talian dengan kemudahan web template yang moden bagi membina laman web beserta pilihan nama domain MY.
- Pakej domain MY ini termasuk fitur GO2, iaitu kemudahan pemetaan nama domain ke aplikasi popular seperti WhatsApp, Messenger, Google Maps dan aplikasi sosial media popular.
- Pakej ini juga menyediakan kemudahan emel menggunakan nama domain usahawan yang dapat meningkatkan lagi penjenamaan usahawan dalam talian.

MYMARK

- MYMARK adalah pakej yang disediakan khas untuk pemilik perniagaan yang mempunyai tanda dagangan atau pemilik "trade mark" berdaftar dengan MYIPO.
- MYMARK memberi cara mudah dan kos efektif untuk mendapatkan nama domain bagi pelbagai jenis kategori nama domain iaitu .my, .com.my, .net.my, .org.my dan .name.my atas nama pilihan domain dari digunapakai oleh pihak lain.
- Pakej yang ditawarkan bermula dari 5 hingga 10 tahun
- Maklumat lanjut boleh didapati di mymark.my

Cloud Storage (Storan Awan)

- MYNIC Cloud Storage menyediakan storan awan disediakan bagi penyimpanan fail seperti dokumen, imej, video dan audio. Kemudahan storan awan membolehkan fail penting anda dapat dikongsi dan dicapai melalui akses internet di mana sahaja dari komputer dan telefon bimbit.
- Keselamatan dokumen dijamin dengan aplikasi keselamatan tertinggi dalam sistem MYNIC Cloud Storage serta penyimpanan data berada di Pusat Data (IDC) di Malaysia.

Pencapaian Memacu Globalisasi

Statistik Pendaftaran Nama Domain 2019

	.my	.com.my	.net.my	.org.my	.gov.my	.edu.my	.mil.my	.name.my	Jumlah
Dec	149,287	139,664	2,647	3,997	1,178	3,785	18	17,471	318,047
Nov	150,550	141,123	2,655	3,993	1,172	3,769	18	17,485	320,765
Oct	151,240	142,620	2,687	4,020	1,171	3,736	18	17,500	322,992
Sep	153,593	142,999	2,703	4,031	1,169	3,720	18	17,507	325,740
Aug	154,663	143,206	2,734	4,041	1,167	3,703	18	17,508	327,040
July	153,566	144,447	2,781	4,082	1,164	3,671	18	17,508	327,237
Jun	153,491	143,901	2,759	4,060	1,161	3,632	18	18,064	327,086
May	154,016	142,743	2,739	4,030	1,159	3,610	18	18,391	326,706
Apr	153,885	141,632	2,727	4,012	1,156	3,574	18	19,110	326,114
Mar	154,139	140,259	2,701	3,976	1,157	3,553	18	20,630	326,433
Feb	154,476	139,089	2,685	3,937	1,153	3,519	17	21,394	326,270
Jan	155,580	140,172	2,720	3,947	1,152	3,495	17	21,546	328,629

IPv6 DNS

IPv6 adalah versi terbaru dari Protokol Internet dimana setiap peranti termasuk pelayan Sistem Nama Domain (DNS) yang menggunakan internet boleh dikenal pasti melalui alamat IP nya sendiri agar komunikasi internet dapat berfungsi.

Penggunaan IPv6 digunakan terhadap hos nama pelayan (Nameserver hosts) yang digunakan untuk menghoskan nama domain.

Sistem pengurusan nama domain .MY memberi kemudahan kepada pengguna untuk mendaftar pelayan nama domain yang menggunakan IPv6. Bilangan Pelayan IPv6 meningkat pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018.

Bilangan Nama Domain dengan IPv6 DNS 2019

	.my	.com.my	.net.my	.org.my	.gov.my	.edu.my	.mil.my	.name.my	Jumlah
Dec	17,675	9,619	258	352	1,178	430	6	11,498	41,016
Nov	8,855	4,825	129	176	586	214	3	5,751	20,539
Oct	8,875	4,900	130	181	586	211	3	5,754	20,640
Sep	8,924	4,928	130	177	585	207	3	5,758	20,712
Aug	8,922	4,953	131	181	582	206	3	5,758	20,736
July	8,947	5,046	140	184	582	205	3	5,758	20,865
Jun	9,658	5,025	142	187	578	196	3	6,307	22,096
May	9,820	4,976	141	185	579	191	3	6,483	22,378
Apr	3,046	4,905	140	185	577	152	3	12	9,020
Mar	3,011	4,838	137	187	578	151	3	12	8,917
Feb	2,977	4,792	140	186	580	144	3	13	8,835
Jan	2,956	4,775	149	192	580	138	3	13	8,806

Statistik Pendaftaran Nama Domain Baharu 2019

Januari	2,550
Februari	2,266
March	2,895
April	2,906
Mei	2,646
Jun	2,381
Julai	3,289
Ogos	5,515
September	4,302
Oktober	2,807
November	2,748
Disember	2,476
Jumlah	36,781

Penggunaan DNSSEC Bagi Nama Domain GOV.MY

Antara usaha yang dijalankan oleh MYNIC adalah dengan menganjurkan program kesedaran dan bengkel latihan praktikal penggunaan DNSSEC bagi nama domain gov.my.

Program kesedaran dan bengkel latihan praktikal adalah disasarkan kepada pihak teknikal sektor dan agensi kerajaan yang mentadbir Sistem Nama Domain (Domain Name System, DNS). Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Pendatadbir DNS akan kepentingan penggunaan DNSSEC terhadap nama domain .gov.my serta melatih cara-cara untuk mengaktifkan DNSSEC mengikut amalan terbaik.

Bengkel latihan yang dijalankan dengan kerjasama MAMPU dan NACSA memberi impak besar kepada nama domain .gov.my kerana bengkel ini secara langsung menyokong ekonomi digital nasional dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan.

Hasil dari anjuran program kesedaran dan bengkel latihan praktikal menunjukkan peningkatan penggunaan DNSSEC nama domain .gov.my sektor dan agensi kerajaan berakhir tahun 2019.

Fakta Penting 2019

>318,000

Jumlah nama domain

36,781

Jumlah nama domain didaftar sepanjang 2019

>41,000

Peningkatan pelayar IPv6

Pencapaian Korporat

Mac

- MYNIC bersama MyIPO telah melakukan sesi pertukaran MOU serta pelancaran pakej MYMARK.
- Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- Pakej Pakej MYMARK menawarkan perlindungan ke atas cap dagangan dalam talian yang akan dapat membantu melindungi cap dagangan yang telah berdaftar daripada disalahgunakan oleh cybersquatters atau pihak yang tidak bertanggungjawab.



- MYNIC mengajurkan Program kesedaran mengenai ANYCAST.
- ANYCAST adalah kaedah pengalamanan dan penghalaan jaringan di mana permintaan masuk dapat diarahkan ke berbagai lokasi atau "node" yang berbeda.
- Dalam konteks Rangkaian Penyampaian Kandungan (CDN). Anycast biasanya mengarahkan lalu lintas masuk ke pusat data terdekat dengan keupayaan untuk memproses permintaan dengan cekap.
- Seramai 50 orang responden berjaya menyertai ujian perintis dan memberi input yang berguna untuk MYNIC terus memperbaiki mutu perkhidmatan kepada masyarakat.



April

- MYNIC telah menganjurkan Bengkel DNS Security dan Analytic
- Bengkel ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai teknikal Kerajaan dan agensi serta Jabatan Kerajaan mengenai kepentingan keselamatan DNS dalam organisasi mereka.
- Selain itu juga, sesi ini turut membincangkan bagaimana pemantauan dan analisis trafik DNS dapat membantu mengelakkan serangan siber.
- Seramai 150 peserta bengkel yang terdiri daripada wakil daripada bahagian Teknologi maklumat kakitangan Kerajaan, jabatan, agensi dan badan Kerajaan menghadiri bengkel ini.



Jun

- Bersempena bulan syawal, MYNIC menganjurkan Jamuan Hari Raya bagi meraikan peserta yang terlibat dalam Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital yang telah bermula sejak April 2019.
- Bagi program ini, MYNIC menyediakan ganjaran kepada enam orang peserta yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang latihan dijalankan.
- Majlis telah disertai oleh YBhg, Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC dan barisan pengurusan tertinggi MYNIC.



Julai

- MYNIC mengambil peluang untuk memulakan dan menerapkan Anycast Domain Name Server (DNS) yang merupakan platform teknologi untuk membolehkan beberapa pelayan di rangkaian menggunakan alamat IP yang sama, atau sekumpulan alamat IP.
- Anycast DNS MYNIC mempunyai 77 laman web di seluruh dunia yang memanfaatkan rangkaian global rakan teknologi antarabangsa kami yang membolehkan .MY mudah diakses di seluruh dunia.
- MYNIC telah melaksanakan DNSSEC Managed Services dan DNS Anycast dengan CentralNic sebagai rakan teknologi untuk menyediakan DNS yang selamat, meningkatkan resolusi DNS, dan penyebaran DNS di seluruh dunia.
- Perkongsian dengan CentralNic akan memberikan kesan yang baik kerana MYNIC tetap komited untuk berkongsi dan mendidik masyarakat mengenai teknologi berkaitan DNS yang akan membantu rakyat Malaysia dan negara mencapai kejayaan dalam era Internet ini.



Disember

- Majlis Penutup Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital & Kesedaran ANYCAST Jasin, telah diadakan di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka
- Seramai 100 orang usahawan kecil telah terlibat dalam mentransformasikan perniagaan mereka melalui Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital ini
- Sesi pemantauan berkala turut dijalankan bagi memantau perkembangan dan kefahaman para peserta terutamanya perkara berkaitan laman sesawang mereka, keberkesanan pemasaran digital dan pelaksanaan strategi media sosial.
- Laman web para peserta yang terlibat bakal dinaiktarafkan dengan teknologi ANYCAST. Dengan adanya teknologi ini, ia membantu laman web peserta untuk mudah diakses dengan pantas.



Memacu dan Memperkasa Ekonomi Digital

Penglibatan Program dan Aktiviti MYNIC Sepanjang Tahun 2019

- 24** Jumlah acara disertai
- 4** acara anjuran KKMM
- 15** acara anjuran MYNIC
- 5** acara anjuran agensi



MYNIC Pemangkin Ekonomi Digital Malaysia

MYNIC Tech Summit 2019

Membuka lembaran baru tahun 2019, MYNIC buat julung kalinya memperkenalkan persidangan MYNIC TECH Summit 2019 (MYTS2019) bagi memberi peluang kepada industri dan individu-individu yang terlibat memahami bagaimana “teknologi yang mengganggu” (disruptive technologies) dapat memberi kesan positif kepada kehidupan, perniagaan dan negara seterusnya bersedia untuk menjadi pemain utama di dalam ekonomi digital di peringkat global.

Perkembangan dan kecanggihan teknologi terkini seperti blockchain, keselamatan siber, identiti digital dan cap dagangan, yang bergerak sangat pantas akan berterusan mengubah gaya hidup seseorang. Sama ada ia mampu memberikan kesan baik atau sebaliknya, landskap perniagaan perlu mengambil peluang dengan lebih kreatif untuk memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan dan memaksimumkan revolusi digital untuk tujuan menghasilkan keuntungan kepada perniagaan dan sekaligus menyumbang kepada peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara.



Program ini merupakan inisiatif MYNIC yang turut mendapat sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Objektif program ini adalah bertujuan untuk menyediakan platform kepada para peserta berkongsi idea dan pengalaman dalam membentuk masa depan industri ICT dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteraskan ekonomi digital.

MYTS2019 dirasmikan oleh YBrs. Tuan Tan Chuan Ou, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKMM yang membacakan teks ucapan YB Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri KKMM. MYTS2019 menawarkan tempat sebanyak 500 penyertaan bagi program tersebut. Acara majlis perasmian turut dihadiri oleh Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KKMM, Pengerusi dan Lembaga Pengarah MYNIC.

Acara yang berlangsung selama satu (1) hari ini menghimpunkan golongan profesional dan mereka yang aktif di dalam bidang ICT, bertujuan untuk mengenalpasti trend terkini serta mempelajari daripada mereka yang lebih berpengalaman dalam pembangunan ICT di rantau ini. Acara ini merupakan platform bagi wakil-wakil Kerajaan dan mereka yang aktif di dalam industri untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman, serta meluaskan jaringan kerja dan meneroka peluang perniagaan.

Selari dengan tema program "Resiliency in ICT Revolution", acara ini mengetengahkan 7 sesi di antaranya ialah 'Attack and Defense Strategies:

How DEALS Helps Your Business Landscape Globally', 'How Choosing the Right Domain and Using Anycast Help SEO Rankings and Your Business', 'Trademark Protection in the Digital Environment', 'Digital Identity: Foundation for The Future' dan sesi perbincangan bersama ahli-ahli panel mengenai topik 'Digital Identity: Between Risk and Opportunity. Barisan penceramah yang terlibat terdiri daripada wakil-wakil dan agensi Kerajaan serta wakil-wakil korporat dan pakar-pakar industri untuk memastikan keseluruhan aspek revolusi ICT dikongsi bersama pada program ini.

Program ini turut menampilkan penceramah terkenal dan berwibawa seperti Azran Osman-Rani Jonathan Yabut, dalam MYTS 2019 yang berlangsung di Hotel Aloft, KL Sentral. Mereka dilihat sebagai ikon yang dapat memberi inspirasi serta mampu menjadi tarikan utama peserta program.

MYTS 2019 juga turut membariskan panel dan penceramah daripada agensi-agensi Kerajaan seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Cybersecurity Malaysia, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MYIP, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan badan-badan korporat seperti IBM Malaysia, SEARCH GURU, dan JY Consultancy & Ventures.

Youth Cyber Wellness In The Digital Era Seminar | Majlis Penutup Safer Internet Day 2019 Malaysian Edition

Safer Internet Day disambut di lebih dari 100 negara setiap tahun untuk mempromosikan Internet yang lebih selamat. Ia bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keselamatan siber, terutama kepada golongan muda di seluruh dunia, bagi memupuk sifat bertanggungjawab ketika menggunakan teknologi dan alat digital.

Bermula 5 Februari 2019, kempen Hari Internet Lebih Selamat Malaysia disempurnakan oleh YB Eddin Syazee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia di Putrajaya, Malaysia. Ia memfokuskan pada "Cyber Wellness," dengan objektif untuk mempromosikan kesejahteraan di dunia digital melalui kesejahteraan mental yang sihat dan nilai sosial yang beretika.

Bersama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), CyberSecurity Malaysia dan pihak berkepentingan lain dari industri, regulator, dan masyarakat, berbagai program diatur untuk mempromosikan kesejahteraan siber, Internet yang lebih aman, dan memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan siber.



DNS Flag Day 2019

Pada 1 Februari 2019, resolusi nama domain akan mengalami transformasi global yang direka supaya Sistem Nama Domain (DNS) berfungsi dengan cekap, dan juga membolehkan pereka perisian menggunakan fungsi dan mekanisme baru termasuk dapat melindungi daripada serangan DDoS. DNS menterjemahkan nama domain ke alamat IP bagi menyemak, menggunakan aplikasi digital dan perkhidmatan dalam talian dapat memuat naik sumber internet dalam laman web, email, aplikasi mudah alih dan sebagainya.

Pada tarikh ini, pembekal perkhidmatan dan perisian DNS akan menyingkirkan tapak yang tidak memenuhi kriteria DNS secara global daripada perisian dan perkhidmatan. Perubahan ini hanya memberi kesan kepada laman web yang tidak mematuhi perisian DNS terkini. Kesan daripada perubahan ini akan menyebabkan anda sukar untuk membuat capaian

kepada nama domain, memperlambatkan sistem pencarian atau ketidaksediaan kepada laman yang dicari.

Pemilik nama domain perlu sentiasa memastikan sistem mereka dikemaskini untuk mengelakkan laman sesawang tidak mengalami gangguan ketika DNS Flag Day. Mereka juga diingatkan kegagalan membuat pematuhan ini akan memberi kesan kepada nama domain yang digunakan termasuklah nama domain .MY. Trend transformasi ini sebenarnya akan membantu membina masyarakat yang berdaya tahan dan mampan. Sama ada kita bersedia atau tidak untuk melalui transformasi digital, teknologi telah menjadi sebahagian daripada hidup kita.



Program Coffee With YB Minister KKMM

Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun, ekonomi digital merupakan antara pemacu terbaharu bagi negara untuk membentuk masa hadapan yang lebih cemerlang. Ekonomi digital merupakan trend baharu di dalam dunia perniagaan, dengan peningkatan jumlah individu, organisasi, syarikat dan pelabur yang mengadaptasikan maklumat dan pengetahuan digital sebagai faktor utama kejayaan di dalam mencapai matlamat perniagaan mereka.

Program Coffee with YB Minister KKMM yang telah diadakan di Lelong.my Education Centre Puchong p 15 Februari 2019, merupakan inisiatif bersama MYNIC & Interbase Resource Sdn Bhd (Lelong.my). Kerjasama ini merupakan sokongan kepada Pelan Strategik KKMM 2019-2023 untuk Ekosistem Ekonomi Digital. MYNIC memegang peranan penting dalam memacu Ekonomi Digital dan ICT ke arah menjadi negara membangun dengan memainkan peranannya sebagai pendaftar dan pentadbir nama domain .my yang merupakan salah antara pemboleh ubah terpenting di dalam Ekosistem Ekonomi Digital.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri KKMM dan dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi KKMM, YBhg. Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC dan

Encik Richard Tan, Pengasas Bersama dan Pengarah Urusan Interbase Resources Sdn Bhd (Lelong.my). Program ini merupakan inisiatif MYNIC & Lelong.my dalam usaha untuk mendekati orang ramai secara terus bagi membolehkan mereka mengadaptasi perniagaan dalam talian di samping mengukuhkan penjenamaan produk masing-masing.

Pada majlis yang sama, Lelong.my juga telah menjalankan latihan Class 101: Everybody Can Sell Online untuk 100 peserta bagi mempelajari platform e-dagang dan tips untuk berniaga dalam talian. Peserta juga ditawarkan pakej khas untuk berniaga secara dalam talian dan penyediaan e-marketplace untuk peserta memasarkan produk mereka.

Inisiatif ini adalah untuk menarik minat kumpulan sasaran yang berpotensi dan ia akan dapat memberi manfaat kepada usahawan konservatif untuk bertukar ke perniagaan dalam talian dengan kos yang minimum. Platform e-dagang ini bakal memudahkan dan mempercepatkan usahawan sedia ada untuk bertukar ke perniagaan dalam talian dengan menggunakan platform yang betul. Ini akan membolehkan para peniaga menjual produk mereka secara dalam talian dan mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka di masa akan datang.

Program Kembara Digital Malaysia (KDM), Ipoh Perak

Program Kembara Digital Malaysia (KDM) yang pertama diadakan untuk tahun 2019 telah dianjurkan di Perak. Program ini diadakan pada 27 hingga 28 Julai 2019 bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak. Program KDM anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bertujuan untuk merasmikan Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia yang diadakan setiap tahun.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Tuan Gobin Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah hadir untuk merasmikan pelancaran Program Kembara Digital 2019 dan Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM dan Pengerusi MCMC, YBrs. En. Al-Ishsal Ishak serta dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, NGO dan Penerangan Negeri Perak, YB Hasnul Zulkarnain Abd Munaim yang mewakili Menteri Besar Perak YB. Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.



Program Kembara Digital Malaysia (KDM) Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Program Kembara Digital Malaysia (KDM) yang kedua dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) berlangsung selama dua (2) hari bermula 23 November dan berakhir pada 24 November 2019. Program ini bertempat di Stadium Mini Kuala Pilah dan bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan internet jalur lebar dan penggunaan teknologi digital kepada pembangunan ekonomi negara

KDM Kuala Pilah dihadiri oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM) YB Eddin Syazlee Shith. Program itu juga akan memperkasakan masyarakat untuk menjadi pengguna yang bijak dan berhemah dalam penggunaan teknologi komunikasi.

Program ini juga memfokuskan kepada tujuh bidang utama antaranya Digital Memudahkan Kehidupan iaitu menggalakkan penggunaan akses digital melalui promosi dan manfaat yang diperolehi; Digital Memperluas Perniagaan iaitu menawarkan kemudahan infrastruktur dan teknologi melalui akses digital untuk meningkatkan pendapatan secara lebih meluas.

Program ini dilaksanakan dalam bentuk karnival selama dua hari menggunakan pendekatan menyatukan beberapa program utama di bawah KKMM seperti e-Usahawan, YouCanDuit, Caring Bridge, Digital Lifestyle Malaysia, Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA), Ekspresi Digital.

E-Commerce Day (ECD 2019)

E Commerce Day adalah Kerjasama Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Program ini berlangsung selama 2 hari iaitu pada 9 dan 10 Disember 2019. Program ini bertujuan untuk menyatukan perniagaan-dalam talian dan luar talian dengan penyedia perkhidmatan digital.

Membawa tema 'Dari Juara Tempatan ke Global', e Commerce Day 2019 menampilkan lebih dari 60 peserta pameran tempatan, 10 pemboleh teknologi, sesi rapat dengan Menteri KKMM dan MITI serta ceramah menarik mengenai gamifikasi, trend perdagangan sosial, blockchain, rentas sempadan eCommerce dan banyak lagi. Objektif utama acara ini adalah untuk mendorong dan memberi inspirasi kepada pemilik perniagaan untuk menggunakan eCommerce dan melintasi sempadan.



MYNIC Di Persada Antarabangsa

APTLD75 Members Meeting & 2019 AGM

MYNIC telah menghadiri Mesyuarat Agung APTLD ke- 75 yang diadakan pada 20 – 21 Februari 2019 bertempat di Dubai UAE. Mesyuarat tersebut disertai oleh 94 ahli APTLD yang terdiri daripada organisasi seperti TWNIC, CentralNic, PANDI, APNIC, ICANN (PTI) dan banyak lagi.

Mesyuarat tersebut diisi dengan pelbagai program dan sesi perbincangan melibatkan isu – isu berkaitan pendaftaran, kewangan dan infrastruktur nama domain di rantau Asia Pasifik. MYNIC yang diwakili oleh YBhg. Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, Puan Zaiton Senusi, Ketua Pegawai Operasi MYNIC dan Encik Md Fariz Ahmad Sanusi, Ketua Pegawai Pemasaran dapat bertukar pendapat dan berkongsi idea terkini bersama wakil dari setiap organisasi yang hadir.



Mesyuarat Agung Tahunan APTLD Ke-76 Anjuran Bersama MYNIC dan APTLD



Asia Pacific Top Level Domain Association (APTLD) telah mengadakan mesyuarat agung tahunan di Malaysia, di mana MYNIC turut menjadi penganjur bersama bagi mesyuarat tersebut yang telah berlangsung dari 5-6 September 2019 bertempat di Jen Hotel, Puteri Harbour, Johor Bharu, Malaysia. Mesyuarat APTLD yang diadakan dua kali setahun turut membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan nama domain di Asia serta perkembangan lain yang berkaitan dengan nama domain di seluruh dunia. Mesyuarat ini turut membincangkan impak dan pembangunan terkini dalam sektor seperti undang-undang yang berkaitan dengan ruang siber, privasi, domain peringkat tertinggi (TLDs) dan perlindungan nama dagangan. Mesyuarat ini telah berjaya mengumpulkan 100 orang peserta dari pendaftar ccTLD yang berbeza di rantau ini terutama dari negara-negara Asia Pasifik iaitu Singapura, Korea, Taiwan, Vietnam, Filipina, Jepun, New Zealand, Australia, Hong Kong, Rusia dan China.

Mesyuarat ini mengumpulkan kumpulan pakar dan pihak yang berkepentingan untuk membincangkan

dan berkongsi isu-isu penting yang berkaitan dengan nama domain Internet dari segi dasar, privasi, keselamatan dan lain-lain. Objektif mesyuarat adalah untuk bertukar maklumat dan kemahiran yang berkaitan dengan nama domain Internet, untuk menjadi platform bagi perbincangan tentang hal-hal dasar nama domain dan sebagai pemudahcara antara badan penyelarasan Internet dan badan-badan lain yang terlibat dalam operasi nama domain Internet. Ia juga merupakan platform untuk memahami pelbagai isu dan pengalaman pelaksanaan yang dilakukan di negara serantau dalam mempromosikan penggunaan nama domain.

Antara isu yang dibentang dan dibincangkan semasa mesyuarat ialah strategi pemasaran nama domain premium dan lelongan, Domain Name System Security Extensions (DNSSEC) dan keupayaan sistem keselamatan lain-lain DNS dan persamaan serta ciri-ciri bagi akreditasi dan operasi untuk pendaftar ccTLD.

MYNIC turut menganjurkan Majlis Makan Malam dan program lawatan ke Johor Bahru untuk



menjalinkan hubungan yang kukuh antara ahli-ahli APTLD serta menikmati budaya dan warisan Malaysia. Majlis Makan malam diadakan di Hotel DoubleTree by Hilton Johor. Acara ini dianjurkan oleh MYNIC dan disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) serta Kerajaan Negeri Johor. Membawakan tema P. Ramlee bagi menonjolkan ikon lagenda seni hiburan tanahair dan sumbangan besar beliau terhadap industri hiburan di Malaysia. Fesyen, lagu dan dialog dari filem-filemnya sentiasa memberi inspirasi kepada orang ramai bagi menghasilkan produk yang kreatif yang mampu menarik perhatian dunia.

Majlis Makan Malam APTLD-76 turut dihadiri oleh YB Tuan Sr. Dzulkefly Bin Ahmad, Pengerusi

Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, YBhg. Datuk Hasnul Fadhlly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, pegawai SKMM dan KKMM dan juga pegawai Kerajaan Negeri Johor.

MYNIC juga merangka sesi lawatan untuk meneroka keindahan Johor seperti Kampung Budaya Melayu, Kompleks Kraft Johor, Jalan Tan Hiok Nee, Istana Bukit Serene dan banyak lagi tempat telah dirancang untuk delegasi bagi mendalami keunikan budaya dan tradisi Malaysia. Setiap delegasi turut berpeluang untuk terlibat dengan aktiviti-aktiviti seni tradisional seperti Pembuatan Lukisan Batik, Teh Tarik dan Roti Canai.

Merintis Usahawan Digital Bersama MYNIC

Majlis Penyerahan 'GO2 Business Starter Pack' Kepada Presiden Malaysia Homestay & Kampungstay Association (MKHA)

MYNIC telah menerima kunjungan daripada Presiden Malaysia Homestay & Kampungstay Association (MKHA) untuk penyerahan Go2 Business Starter Pack pada Jumaat, 1 Mac 2019. Penyerahan Go2 Business Starter Pack ini bertujuan untuk menggiatkan penggunaan digital.

KAB Empire, ejen SEEDS mewakili MYNIC menyerahkan Go2 Business Starter Pack kepada Persatuan Kampungstay & Homestay Malaysia (MKHA) dan telah disaksikan oleh Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad. Inisiatif ini adalah langkah pertama untuk membolehkan lebih daripada 1000 pengusaha homestay mempunyai identiti dalam talian dan memperluas jangkauan mereka ke seluruh dunia.



KREATIFMARKET.MY Engagement Forum

Dalam usaha ke arah mencapai status negara maju dan seiring dengan landskap perniagaan global yang menjurus ke arah peralihan kepada ekonomi digital, MYNIC merancang pelbagai program dan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital untuk terus kompetitif dan relevan kepada persekitaran perniagaan yang moden.

KREATIFMARKET.MY adalah inisiatif Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) dan MYNIC juga merupakan platform yang pertama di Malaysia dalam mengkomersialkan hasil karya seni fotografi tempatan secara dalam talian (online).

Seiring dengan inisiatif ini, MYNIC telah menganjurkan Forum KREATIFMARKET.MY yang mengumpulkan pakar-pakar ssenifotografi dalam industri fotografi bersama pereke-pereka digital yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kelebihan menyokong hasil kreatif tempatan di platform KREATIFMARKET.MY.

Forum KREATIFMARKET.MY telah dianjurkan pada 16 Mac 2019 bersamaan Hari Sabtu bertempat di Hotel Pulse Grande Putrajaya. Program KREATIFMARKET.MY ini diharapkan dapat membantu belia dan masyarakat untuk menjana pendapatan sampingan yang berterusan selain dapat menjadikan inisiatif ini sebagai hobi dan platform mengasah bakat fotografi.



Sokongan Berterusan MYNIC Terhadap KKMM

Lawatan Kerja YB Menteri KKMM ke MYNIC

MYNIC telah menerima lawatan kerja daripada YB Tuan Gobind Sigh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) pada Rabu, 16 Januari 2019 berserta delegasi beliau. Lawatan tersebut sebagai pengenalan YB Menteri ke agensi yang bernaung di bawah KKMM dan fungsi MYNIC kepada industri nama domain di Malaysia.

MYNIC mengambil peluang untuk membentangkan matlamat dan hala tuju MYNIC tahun 2019 seiring dengan seruan Kementerian menggalakkan penerapan ekonomi digital kepada komuniti. Sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) MYNIC sentiasa berusaha membangunkan industri nama domain sebagai sebahagian daripada infrastruktur ICT di Malaysia.

Sesi Taklimat MYNIC kepada Ketua Setiausaha KKMM

MYNIC telah menerima lawatan kerja daripada YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan delegasi beliau pada Rabu, 27 Ogos 2019 berserta delegasi beliau. Lawatan tersebut sebagai pengenalan YBhg. Dato' Suriani sebagai pelantikan baru ke agensi yang bernaung di bawah KKMM dan fungsi MYNIC kepada industri nama domain di Malaysia.





Cerikan Syawal Bersama #MYNICCARES

Dalam menjalankan sebahagian daripada strategi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) terhadap komuniti, MYNIC telah menganjurkan program #MYNICCARES Cerikan Syawal Bersama MYNIC. Seramai lebih 50 keluarga Asnaf yang terdiri daripada mereka yang kurang berkemampuan dan anak-anak kelainan upaya (OKU) telah mendapat manfaat daripada program ini.

Program CSR #MYNICCARES ini turut disertai YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), YBhg. Datuk Hasnul Fadhy Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC dan turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi KKMM dan MYNIC.

Program Tanggungjawab Sosial Korporat ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 29 & 30 Mei 2019 yang membabitkan 4 siri Program CSR. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Penyerahan Sumbangan Raya kepada 30 keluarga Asnaf di Masjid Pulau Meranti, Puchong. Selain itu juga aktiviti kemasyarakatan turut dijalankan dengan menziarahi lima buah rumah keluarga Asnaf yang mempunyai ahli keluarga OKU. Tujuan lawatan ini adalah untuk merasai sendiri kekurangan dan kesusahan yang dihadapi oleh mereka dalam menjalani kehidupan seharian, di samping menyerahkan sumbangan bagi meringankan beban dalam membuat persediaan menyambut Syawal yang bakal tiba tidak lama lagi.

Kemuncak program CSR #MYNICCARES adalah dengan membawa golongan Asnaf yang mempunyai anak-anak OKU untuk merasai keseronokan membuat persediaan menyambut

Hari Raya dengan membeli keperluan Hari Raya seperti baju, kasut dan sebagainya di Parkson IOI City Mall, Putrajaya dan seterusnya diadakan majlis iftar di Le Meridien Hotel, Putrajaya. Pada majlis tersebut telah diadakan aktiviti penyerahan duit raya dan juga penyerahan hamper raya kepada semua keluarga Asnaf yang terlibat.

Dengan penganjuran program sebegini, ia menunjukkan yang MYNIC tidak hanya memfokuskan kepada hal-hal pentadbiran dan operasi semata-mata sebaliknya syarikat turut menitikberatkan perkara yang berkaitan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Pelbagai inisiatif CSR telah dan akan dilaksanakan oleh MYNIC untuk dinikmati oleh masyarakat di luar sana, di mana untuk strategi jangka panjang ianya akan memberi manfaat kepada sosio ekonomi negara secara keseluruhannya. MYNIC berharap dengan program tanggungjawab sosial korporat serta penyerahan wang zakat ini, ianya dapat membantu golongan yang memerlukan serta membantu meringankan beban warga Asnaf bagi menyambut Hari Raya yang bakal menjelang tiba. Program-program #MYNICCARES yang mendapat kerjasama Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) dan Yayasan Muslimin Malaysia telah membabitkan jumlah sumbangan sebanyak RM65,000.

Program ini adalah satu inisiatif MYNIC bagi mendekati dan mendidik masyarakat sekaligus menyokong usaha Kerajaan ke arah menerapkan penglibatan digital kepada semua peringkat tanpa mengira latar belakang ataupun kedudukan sosio ekonomi.

Penyata Kewangan

Prestasi Kewangan Keseluruhan

Di sebalik ketidakstabilan persekitaran termasuklah perubahan besar politik negara pada tahun 2018 yang secara tidak langsung telah memberi kesan kepada penangguhan dan pelaksanaan projek serta inisiatif yang dirancang, MYNIC masih mampu berdiri teguh bersandarkan pada asas-asas organisasi yang kukuh dan strategi mampan dan mantap, melalui pelaksanaan inisiatif secara berkesan.


Dengan itu, operasi perniagaan MYNIC masih berjaya mencatatkan prestasi yang tidak mengecewakan pada tahun ini di mana pendapatan sejumlah RM16.7 juta pada tahun 2018 telah dijana walaupun terdapat pengurangan pendapatan sebanyak 15% dari tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun, kos operasi dapat dioptimumkan dan sekaligus menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.4 juta.

MYNIC masih berjaya menguruskan kos operasi sementara terus membuat penambahbaikan serta pelaksanaan infrastruktur IT yang lebih resilien dan inisiatif pendigitalan bagi tujuan menjana pendapatan yang lebih memberangsangkan. MYNIC juga yakin penurunan pendapatan ini adalah bersifat sementara dan jangka pendek di mana usaha berterusan mampu dipergiatkan melalui pelbagai aktiviti bagi tahun 2019 dan masih mampu mengatasi tekanan dan dapat mengawal kenaikan kos dengan baik.


Ekonomi digital dan industri teknologi dilihat mula mendapat perhatian umum dan menjadi trend di peringkat global terutamanya sebagai pilihan pengguna dalam menjalankan perniagaan. Di sebalik trend ini, prestasi MYNIC dijangka akan lebih meningkat, menunjukkan daya tahan kepada tekanan meskipun dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada tahun berikutnya. Berlatarbelakangkan persekitaran operasi, MYNIC menetapkan tumpuan utama kepada kualiti aset, dan mengekalkan tahap kecairan tunai yang mantap di mana kenaikan sebanyak 14% berbanding tahun 2017. Dengan asas yang kukuh ini, MYNIC berada di kedudukan yang baik untuk menghasilkan nilai yang mampan dan sekaligus menyumbang kepada KDNK negara.

Prestasi Kewangan Keseluruhan

Pendapatan
(RM Juta)




Keuntungan Sebelum Cukai
(RM Juta)




Margin	25%	31%	28%	24%	19%	-9%
--------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

Keuntungan Selepas Cukai
(RM Juta)



Margin	18%	22%	20%	16%	12%	-10%
--------	-----	-----	-----	-----	-----	------


Simpanan Tunai
(RM Juta)



.mynic

MYNIC Berhad (735031-H)

Level 3, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

t +603 8008 2000 w mynic.my
f +603 8008 2020  MYNIC Berhad